

Bahasa: Menawan atau Tertawan?

“Bahasalah satu-satunya tanah air” (*Language is the only homeland*).


Demikian kata-kata yang diluahkan oleh Czesław Miłosz, penyair, penulis prosa, penterjemah dan diplomat Poland, juga penulis buku *The Captive Mind* (1953). Pandangan Czesław menyirat tafsiran yang amat mendalam andai dilihat dari sisi yang pelbagai. Namun, jika dilihat secara literal, mungkin tidak akan meninggalkan kesan mendalam yang mampu menyuntik kesedaran tentang kepentingan bahasa dalam kehidupan manusia.

Bahasa, dalam konteks ini apa-apa juga bahasa, sememangnya wahana primer dalam proses komunikasi, baik secara lisan, tulisan mahupun dalam bentuk isyarat, sama ada yang zahir atau sebaliknya. Tanpanya komunikasi pasti tidak akan berlaku. Bayangkan andai kata tiada bahasa langsung, bagaimanakah manusia mampu menzahirkan apa-apa juga hasrat, keinginan atau

Oleh **MOHIDIN HAJI MALEK**

perasaan antara satu dengan yang lain? Pemikiran pun tidak akan wujud. Bagaimana pula perasaan? Mustahil bukan? Mungkin kelihatan perkara ini tidak masuk akal, namun demikianlah hakikatnya jika tidak wujud apa-apa bentuk bahasa sekalipun. Dunia akan jadi sunyi sepi. Dengan adanya bahasa, tercipta istilah untuk menerangkan sesuatu konsep. Daripada situ pula, timbul kesepakatan menerima pakai istilah yang dibentuk. Rantainya daripada itu, terzahir komunikasi, dan berkembanglah ketamadunan sebuah bangsa. Memandangkan dunia amat luas dan terdapat pelbagai bangsa,

kaum, puak, ras, etnik dan sebagainya, kesepakatan tentang penerimaan pelbagai istilah untuk menerangkan sesuatu konsep tercapai secara semula jadi. Andai “lembu” dalam bahasa Melayu itu merujuk sejenis binatang ternakan untuk mendapatkan susu dan dagingnya (*Kamus Dewan* Edisi Keempat), maka demikianlah pemahamannya bagi masyarakat dalam lingkungan persekitaran yang menerima konsepnya seperti yang sedemikian. Namun, bagi penutur bahasa-bahasa lain, walaupun lembu merujuk haiwan yang sama dalam budaya kehidupan mereka, namun sebutannya mungkin berlainan.



Sebagai contoh, lembu disebut sebagai *cow* dalam bahasa Inggeris, *koe* dalam bahasa Belanda, *vache* dalam bahasa Perancis, *kuh* dalam bahasa Jerman, *mucca* dalam bahasa Itali, *so* dalam bahasa Korea, *baqara* dalam bahasa Arab dan *vitula eligans* dalam Latin. Namun, dari segi kesepakatan atau konsensus masyarakat dunia, tanpa mengira asal keturunan, menerima maksud perkataan tersebut merujuk sejenis binatang ternakan untuk mendapatkan susu dan dagingnya. Bagi sesuatu masyarakat, perkataan yang terbentuk untuk menerangkan sesuatu konsep itu memiliki sejarah yang tersendiri

dan pastinya terselit keunikan yang mengesankan bagi penuturnya. Apa tidaknya, hal yang sedemikian itu berkait dengan nilai estetika. Pun demikian, terdapat juga beberapa perkataan yang “dipinjam” dan diguna pakai untuk merujuk sesuatu konsep yang sama kerana tidak wujudnya konsep tersebut dalam sesebuah masyarakat. Dalam situasi lain pula, ejaan perkataan yang dipinjam disesuaikan berdasarkan sistem ejaan yang diguna pakai oleh masyarakat yang meminjam. Untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang hal yang sedemikian ini memerlukan penelitian dan kajian dalam bidang

etimologi. Walaupun hal yang sedemikian itu salah satu daripada cabang untuk mengenali keunikan dan keindahan asal usul sesuatu perkataan, namun, dalam konteks makalah ini, arah alirannya bukanlah ke situ. Dalam konteks makalah ini, penulis ingin membawa pembaca untuk menelusuri alur sungai bahasa Melayu yang terbit daripada mata air jiwa sebuah bangsa yang bukan kepalang hebatnya. Tidak lain dan tidak bukan, bahasa Melayu, bahasa yang telah dituturkan berabad lamanya dan pernah dinobatkan sebagai *lingua franca* suatu masa dahulu. Bukanlah niat penulis untuk bernostalgia, kerana pada tanggapan sesetengah orang, bernostalgia tidak membawa apa-apa keuntungan. Kita harus melihat ke hadapan dan biarkan apa-apa juga yang berlalu itu terus berlalu. Usah diimbau dan dikenang. Memang benar, namun demikian, pengalaman daripada peristiwa silam itulah yang akan membangkitkan kesedaran kita untuk mencatur sesuatu yang lebih baik untuk mendepani masa hadapan. Kita tidak mahu kesilapan yang kita lakukan dahulu diulang semula. Kita tidak mahu seperti kata rakan penulis, “belum pun reda suatu kebodohan, timbul pula kebodohan yang baharu”. Sewajarnya kita berpegang pada ungkapan, “belajarlah daripada sejarah” dan “kesilapan yang lalu memamatkan kita”. Lantaran itu, dalam hal-hal tertentu kita perlu melihat kembali apa-apa juga hakikat atau peristiwa yang telah dilalui. Melihat dalam konteks bahasa Melayu, andai dibuat perbandingan akan kedudukannya pada masa dahulu dengan masa kini, jurangnya amat besar. Bak kata orang tua-tua, ibarat bumi dan langit. Hal ini dikatakan

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar. Hal yang sedemikian ini bertujuan untuk memudahkan penerimaan ilmu dalam bahasa yang difahami umum. Namun demikian, pengajaran dan pembelajaran bahasa-bahasa lain tidak pula dilarang sama sekali.

sedemikian kerana penobatan dan pemertabatan bahasa Melayu pada masa dahulu disepakati atas faktor kesedaran yang amat tinggi dalam kalangan rakyat, tanpa mengira kaum. Bahasa Melayu bukan sahaja dilihat sebagai alat pemersatu dan perpaduan bangsa, tetapi diyakini dan diakui akan keupayaannya menggalas tanggungjawab sedemikian. Namun kini, sisi pandangan masyarakat “dipesongkan” dengan “sogokan” secara halus yang memerihalkan kepentingan memecah keluar daripada kepompong kebangsaan dan mendepani dunia. Dengan berbuat demikian, negara akan bergerak maju dan mampu bersaing untuk mendominasi kedudukan yang paling tinggi dalam strata negara maju. Oleh hal yang sedemikian, salah satu prasyarat untuk menganjur keluar ialah kuasai bahasa komunikasi dunia, dan dalam konteks ini, bahasa Inggeris. Penulis tidak sama sekali menyanggah pandangan dan pendapat golongan berkenaan. Memang ada kebenarannya. Namun demikian, perlu disedari bahawa dalam pada kita mengukuhkan penguasaan terhadap bahasa yang disifatkan sebagai bahasa komunikasi global, jangan pula kita meminggirkan, menyingkirkan dan memijak bahasa yang ternobat sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara.

Selepas negara mencapai kemerdekaan, kesepakatan dicapai untuk mengangkat dan menobatkan bahasa Melayu sebagai asas pengukuhan semangat kebangsaan yang utuh. Selaras dengan itu, dan bagi menjamin perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi melalui peruntukan Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Selaras dengan peruntukan tersebut, bahasa Melayu dijadikan sebagai wahana komunikasi lisan dan tulisan dalam urusan pentadbiran yang rasmi sifatnya. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar. Hal yang sedemikian ini bertujuan untuk memudahkan penerimaan ilmu dalam bahasa yang difahami umum. Namun demikian, pengajaran dan pembelajaran bahasa lain tidak pula dilarang sama sekali. Belajarlah dan mahirkanlah diri menguasai apa-apa juga bahasa, namun jangan diremehkan bahasa Melayu yang berupa tunjang pengukuhan sebuah bangsa. Hal yang sedemikian ini tidak pula menimbulkan apa-apa masalah dan percanggahan pandangan ketika itu. Penerimaan ilmu pengetahuan dalam apa-apa juga bidang dalam kalangan pelajar tidak pula menampakkan bahawa bahasa Melayu secara totalnya

gagal berperanan sebagai bahasa yang berwibawa dan bernilai tambah. Negara mampu maju dan kemajuan itu jelas terbukti dengan tahap pencapaian ekonomi, siasah, teknologi, sains dan sebagainya yang memberangsangkan.

Namun, apabila mula tular perihal graduan yang gagal berbahasa Inggeris dengan baik apabila menghadiri temu duga dalam sektor swasta, mula timbul suara-suara sumbang yang menyatakan bahawa graduan yang lahir pada hari ini tidak memiliki nilai tambah yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan pada peringkat antarabangsa. Benarkah demikian? Hilanglah kewibawaan para ahli sains negara, contohnya, yang telah mencipta atau menginovasikan sesuatu pembaharuan, hanya disebabkan tidak mampu berbahasa Inggeris dengan baik? Andai kita rajin membuat kajian dan imbauan ilmiah tentang perkembangan dunia sains, teknologi, perubahan dan seumpamanya, pasti kita akan temui nama-nama individu tersohor yang sama ada memelopori sesuatu bidang, membuat penemuan baharu, menginovasikan sesuatu idea, atau yang mencipta pelbagai alatan. Daripada ribuan nama ini, terlalu ramai yang tidak fasih berbahasa Inggeris. Namun, penemuan, ciptaan, rekaan atau inovasi mereka melebar ke seantero dunia. Malah, daripada ciptaan itulah wujudnya gedung, syarikat, konsortium dan konglomerat yang menggunakan jenama mereka menebat ke seluruh dunia. Tidak seicipun nilai tambah mereka mengurang. Nah, tidak perlu kita mendabik dada menyatakan bahawa kitalah juara berbahasa Inggeris andai kata kita hanya menjadi pekerja biasa di bawah naungan orang yang tidak pun fasih berbahasa Inggeris.

Andai kita melihat semula rentetan catatan sejarah negara, sejak era Kesultanan Melayu Melaka hingga era penjajahan British, bahasa Melayu dipelajari oleh golongan pendatang bukan kerana memudahkan hubungan dua hala dalam apa-apa juga urusan, tetapi tersirat motif lain yang sering kita biaskan ke tepi. Pihak British, contohnya, mempelajari bahasa Inggeris untuk memahami pemikiran, budaya, adat resam dan budaya tempatan. Daripada situlah mereka menyingkap kelemahan yang terselindung di sebalik kesantunan masyarakat yang terkenal dengan ketinggian nilai budi bahasanya. Data dan penemuan yang sedemikian inilah yang membawa kepada penawanan, sama ada secara mental atau fizikal. Dari segi mental, masyarakat kita yang sememangnya terkenal dengan sifat “pemurah” dan “mudah tersihir”, amat cepat menyanjung tinggi sesuatu yang dianggap lebih baik, di samping menghargai mana-mana kelompok yang mampu menguasai bahasa Melayu dan senang menyesuaikan diri dalam masyarakat tempatan. Secara tanpa disedari, tabii yang sedemikian ini dijadikan “senjata” untuk menyuntik fahaman luar yang sedikit demi sedikit menghakiskan kejatian diri dalam kalangan masyarakat kita, khususnya masyarakat Melayu. Bertitik tolak daripada situlah, racun khianat disuntik sehingga berlakunya pengkhianatan yang membawa kejatuhan sebuah kepimpinan dan kerajaan. Kita jarang-jarang mahu melihat sisi ini. Namun, hal yang sedemikianlah yang berlaku. Bukalah buku sejarah. Baca dan taakuli apa-apa yang tersirat!

Bahasa dan bangsa amat bertaut rapat. Hal yang sedemikian inilah yang termuat dalam ungkapan, “bahasa cerminan bangsa”. Bahasalah

Dalam era teknologi yang berkembang kian pesat, pandangan kita sering terpesong oleh unsur-unsur kemulukan yang dijana melalui ruangan maya hingga kita alpa dan terlupa akan nasib bahasa dan bangsa. Kita tercari-cari sesuatu yang mampu memberikan nilai tambah agar kita mampu bersaing di pentas dunia.

yang menyerlahkan keindahan sesuatu bangsa dan bahasalah juga yang mampu menyingkap sikap negatif sesuatu bangsa. Oleh hal yang demikian, sewajarnya pemeliharaan dan pelestarian bahasa, dan dalam konteks makalah ini bahasa Melayu, harus diperkukuh agar terserlah keindahan yang melingkari kehidupan penuturnya. Andai bahasa Melayu dipugar, dimasyarakatkan dan diamalkan sebaik-baik dan semuluk-muluknya tanpa prejudis, tidak mustahil bahasa Melayu akan mampu berperanan sebagai wahana penyampaian dan pemerolehan apa-apa juga ilmu. Pun demikian, tidaklah bermakna bahawa kita tidak boleh menyekat asalkan kuat naluri kita untuk mempelajari dan menguasai bahasa-bahasa lain. Belajarlah dan kuasailah. Namun, bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara harus dimartabatkan dan dijunjung kedudukannya.

Keunikan yang terselit di sebalik setiap ungkapan yang dilafazkan menjadi ramuan yang menyerlahkan keindahan sesuatu bahasa. Bahasa Melayu yang sejak dahulu kaya dengan perumpamaan, kiasan, pantun seloka dan seumpamanya ialah khazanah bangsa yang amat berharga. Biarlah keindahan

itu yang menjadi faktor yang menawan hati bukan sahaja penutur aslinya, akan tetapi mana-mana juga bangsa yang ingin mempelajarinya. Janganlah pula dalam kerakusan dan ketaasuban kita untuk mempelajari bahasa lain selain bahasa ibunda ini, kita sisihkan, kita injak dan kita bunuh bahasa sendiri. Biarlah bahasa kita yang menjadi penawan dan bukannya bahasa Melayu yang ditawan. Janganlah kerana ingin menerjah ke luar untuk menjadi juara, kuasa luar pula yang menyusup ke dalam negara dan “menakluki” bumi kita. Iktibar daripada cerita rakyat, “aduhai Pak Kadok, ayam menang, kampung tergedai”.

Dalam era teknologi yang berkembang kian pesat, pandangan kita sering terpesong oleh unsur-unsur kemulukan yang dijana melalui ruangan maya hingga kita alpa dan terlupa akan nasib bahasa dan bangsa. Kita tercari-cari sesuatu yang mampu memberikan nilai tambah agar kita mampu bersaing di pentas dunia. Namun, kita terlupa akan nilai tambah yang ada di negara sendiri. Akal dan kebijaksanaanlah penentu kejayaan. Berbahasa dalam bahasa Melayu sekalipun, andai memiliki kebijaksanaan untuk mengubah dunia, hal yang sedemikian itulah yang akan menerbitkan sohnya. 